

Henti bila-bila masa

■ Pam lombong bolehkan catuan berakhir dalam masa terdekat

Oleh Siti Naimah Mohamed
dan Shahrii Adzrin Jamil

hmetroshahalam@gmail.com

Shah Alam

Kira-kira enam juta pengguna yang ter-babit dengan catuan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sejak Mac lalu kini boleh menarik nafas lega selepas kerajaan negeri memaklumkan catuan keperluan asas itu boleh di-tamatkan pada bila-bila ma-sa.

Menjelaskan perkara itu, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, tindakan itu diam-bil berikutan kata sepakat yang diperoleh kerajaan ne-geri, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dan Ja-batan Meteorologi Malaysia

yang berbincang mengenai isu berkenaan Isnin lalu dan bersetuju mengepam air lombong.

Tindakan itu (mengepam air lombong) katanya, mem-bolehkan catuan dihentikan sejurus air di Empangan Sun-gai Selangor berada pada paras 42 hingga 43 peratus.

“Sekarang (sehingga jam 8 pagi semalam) empangan itu mempunyai air sebanyak 38.97 peratus dan kapasiti air yang diperlukan untuk menghentikan catuan ialah 900 juta liter sehari dan ka-pasiti pam 50 juta liter.

“Sebelum ini, kita anggar-kan bila paras air mencecah hingga 50 peratus barulah ca-tuan akan dihentikan tetapi dengan langkah mengepam air lombong ini, kita hanya perlukan 43 peratus paras air dalam empangan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada si-dang media selepas mem-pengerusikan Mesyuarat



“Lagi cepat catuan dihentikan, lagi bagus. Perkara ini akan diuruskan LUAS dan JPS, malah proses mengepam sudah dijalankan sejak beberapa hari lalu”

Abdul Khalid Ibrahim

Exco, di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau ti-dak dapat menganggarkan tarikh catuan dapat dihen-tikan tetapi menjangkakan ia akan dibuat dalam tem-poh terdekat.

“Lagi cepat catuan dihen-tikan, lagi bagus. Perkara ini akan diuruskan LUAS dan JPS, malah proses mengepam sudah dijalankan sejak be-berapa hari lalu,” katanya.

Mengulas lanjut berkena-an langkah pengepaman itu, Abdul Khalid berkata, ia akan membabitkan kira-ki-ra 26 lombong bijih timah yang sudah tidak digunakan sejak lebih 20 tahun lalu, berhampiran lembangan Sungai Selangor.

Untuk tujuan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) meluluskan perun-tukan sebanyak RM10 juta bagi membina insfrastruktur untuk kerja pengepaman air termasuk pembelian pam berkeupayaan tinggi.